

## Hubungan *Qasas al-Qur'an* dengan Pendekatan Dakwah: Tumpuan Terhadap Pemikiran Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang

Muhammad Khairi bin Abdul Azib<sup>1</sup> & Haziyah binti Hussin<sup>2</sup>

E-mel: muhammadkhairi1994@yahoo.com & haziyah@ukm.edu.my

<sup>1</sup> Calon Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam UKM

<sup>2</sup> Pensyarah kanan Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM

### Abstrak

*Qasas al-Quran* merupakan kandungan al-Quran yang berkaitan dengan penceritaan al-Quran tentang hal ehwal umat terdahulu dan kisah-kisah nabi serta peristiwa yang telah berlaku atau berlaku semasa nuzul al-Quran atau peristiwa yang akan terjadi selepas zaman Nabi SAW. Allah SWT membentangkan *qasas al-Qur'an* bertujuan untuk mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam dalam konteks semasa. Kertas kerja ini memberi fokus kepada pemikiran Abdul Hadi Awang terhadap *qasas al-Quran* sebagai salah satu sumber dakwahnya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara analisis kandungan. Data kajian dikumpulkan menerusi analisis dokumen terhadap rakaman-rakaman tafsir dan beberapa buah buku tafsir Abdul Hadi Awang yang telah diterbitkan. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini mendapati Abdul Hadi Awang menjadikan *qasas al-Quran* sebagai sumber pemikiran dakwahnya. Pemikirannya terhadap *qasas al-Qur'an* dalam dakwah dapat dibahagikan kepada dua iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu semasa. Implikasi kajian ini ialah pemikiran Abdul Hadi Awang terhadap *qasas al-Quran* memberi impak kepada penyebaran dakwah dalam jalur politik yang diterajunya.

**Kata Kunci:** Abdul Hadi Awang, Pemikiran Dakwah, Politik, *Qasas Al-Qur'an*, Tafsir Haraki

## Qasas al-Qur'an's Relationship with Da'wah Approach: Focus on The Thinking of Tafsir Tuan Guru Abdul Hadi Awang

### Abstract

Qasas al-Quran is a content of the Quran which relates to the narration of the Quran regarding the affairs of previous peoples and the stories of the prophets and events that have occurred or occurred during nuzul al-Quran or events that will occur after the time of the Prophet PBUH. Allah SWT presents qasas al-Qur'an for the purpose of presenting teachings that can be executed by Muslims in the current context. This paper focuses on Abdul Hadi Awang's thoughts on qasas al-Quran as one of his da'wah sources. This study uses qualitative design by content analysis. The data was collected through the analysis of documents on tafsir recordings and several books of Abdul Hadi Awang's interpretation which were published. These data were then descriptively analyzed. This study found that Abdul Hadi Awang made qasas al-Quran as the source of his da'wah thinking. His thoughts on qasas of the Qur'an in da'wah can be divided into two which is to issue teachings and connect them with current issues. The implication of this study is that Abdul Hadi Awang's thinking of qasas al-Quran had an impact on the spread of da'wah in the political path he led.

**Keywords:** Abdul Hadi Awang, Da'wah Thinking, Politics, Qasas Al-Qur'an, Tafsir Haraki

### 1. Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber utama syariat Islam yang mengandungi prinsip-prinsip dan panduan asas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada aspek ketuhanan dan akidah, isu-isu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Dalam menyampaikan mesej ini, al-Quran menggunakan pelbagai uslub, antaranya penceritaan

kisah dan peristiwa silam, peristiwa semasa penurunan al-Quran dan peristiwa yang akan berlaku. Perkhabaran ini bertujuan memberi pelbagai pengajaran kepada manusia khususnya umat Islam (Manna al-Qattan 2000; Hasan Abbas 2007). Menurut al-Khalidi (1998), penulisan berkaitan *qasas al-Qur'an* banyak dilakukan oleh ulama dari dulu hingga kini bahkan dari dimensi yang rencam. Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* oleh Ibn Kathir, *Qasas al-Qur'an* oleh Hasan Abbas dan *Nazarat fi Ahsan al-Qasas* oleh Muhammad Sayyid Wakil antara karya yang memuatkan sumber asas dalam topik ini.

Dalam konteks dakwah dan usaha menangani permasalahan sosial semasa, beberapa kajian dilakukan tentang *qasas al-Qur'an*. Antaranya Pengajaran daripada kisah Qarun di dalam Surah *al-Qasas* oleh Nor Asiah (2005), *Manhaj al-Jadal* dalam dakwah Nabi Ibrahim AS: Kajian al-Qur'an oleh Wan Akashah (2003), Pendekatan Psikologi Dakwah dalam al-Quran: Kajian terhadap dakwah Nabi Musa AS dan Nabi Ibrahim AS oleh Ahmad Jafri (2011). *Mazahir Tikrar Qissat Musa AS fi al-Qur'an al-Karim* oleh Marisa Musfiroh (2012) dan Pendidikan Luqman al-Hakim: Kajian ayat nasihat dan bimbingan Surah Luqman oleh Azawiah Abdullah (2017). Penulisan ini menandakan kepentingan *qasas al-Qur'an* dalam konteks kehidupan manusia dan perkembangan ilmu Islam selain menjadi teladan penting dalam menjalankan aktiviti dakwah.

Kupasan tentang *qasas al-Qur'an* dan kepentingannya dalam konteks dakwah juga diberi perhatian oleh pentafsir khususnya dalam madrasah tafsir haraki. Pengkaji-pengkaji tentang madrasah tafsir ini menemukan suatu kerangka kerja pentafsiran *qasas al-Qur'an* sebagaimana yang digunakan oleh Sayyid Qutb dan Sa'id Hawwa dalam tafsir mereka. Kertas kerja ini bertujuan mengupas kepentingan *qasas al-Qur'an* dan bagaimana pendekatan dakwah boleh diinduksi daripada kisah-kisah ini. Sehubungan dengan itu, tafsiran al-Quran oleh seorang ulama haraki Malaysia iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dipilih untuk diketengahkan. Pemilihan ini berdasarkan ketokohan beliau dalam gerakan Islam (Muhammad Akmal & Haziyah 2015) dan keterlibatannya dalam mentafsirkan al-Quran secara lisan semenjak 1976 (Nuur Farhana 2016; Haziyah 2017). Surah yang dipilih sebagai sampel penelitian ialah surah as-Saffat, as-Saff, al-Hasry, an-Naba, Yasiin, al-Munafiqun, al-Buruj dan al-Kahfi.

## 2. Definisi *Qasas al-Qur'an* dan Kepentingannya

Manna Qatan (2000) menyatakan bahawa *qasas al-Qur'an* merupakan perkhabaran mengenai keadaan umat terdahulu, kenabian yang terdahulu dan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Pandangan ini dikembangkan oleh Aqidatur dan Ibnu Hajar (2017), bahawa perkhabaran yang akan berlaku di masa hadapan juga termasuk dalam definisi ini. Pandangan yang lebih umum dikemukakan oleh Hasan Abbas (2007) bahawa *qasas al-Quran* merupakan kisah-kisah yang dipaparkan dalam al-Quran dengan tujuan tersendiri. Pandangan ini disokong oleh Mohd Shahrizal dan Nurazan Mohamad (2014) bahawa kisah-kisah ini memainkan peranan dalam menjelaskan makna dan pengajaran yang dikehendaki oleh Allah SWT untuk dijadikan panduan.

*Qasas al-Qur'an* terbahagi kepada beberapa bahagian. Al-Khalidi (1998) membahagikannya kepada dua bahagian iaitu kisah yang diceritakan dalam al-Quran melibatkan para nabi dan yang tidak melibatkan para nabi. Manakala menurut Manna Qatan (2000), peristiwa pada zaman Rasulullah SAW yang diceritakan di dalam al-Quran juga termasuk dalam pembahagian *qasas al-Qur'an*. Kedua pandangan ini dikembangkan oleh Aqidatur dan Ibnu Hajar (2017) dengan menambah perkhabaran yang akan berlaku pada masa hadapan sebagai salah satu bahagiannya. Oleh itu, dirumuskan bahawa *qasas al-Qur'an* memiliki empat pembahagian iaitu kisah para nabi dan umat mereka, kisah dahulu kala berkaitan peristiwa-peristiwa dan individu bukan dikalangan para nabi, peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan kisah-kisah berkaitan perkhabaran yang akan berlaku pada masa hadapan.

Tujuan dari penceritaan *qasas al-Qur'an* ialah untuk menguatkan keimanan Rasulullah SAW dan golongan mukmin, mengalakkan orang-orang muslimin untuk berakhlak mulia dan menjauhi akhlak buruk (Hasan Abbas 2007), membenarkan usaha dakwah nabi terdahulu, membongkar penipuan ahli kitab, mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam (Al-Khalidi 2007) dan sebagai bukti al-Quran merupakan mukjizat dari Allah SWT dan bukan rekaan Rasulullah SAW. Hal ini kerana kisah-kisah dalam al-Quran dapat dibuktikan kesahihannya oleh fakta sejarah dan sains pada hari ini (Aqidator Rofiqah & Ibnu Hajar 2017).

Kepentingan *qasas al-Qur'an* dalam dakwah secara khusus dinyatakan oleh al-Khalidi (1998). Menurut beliau, setiap pendakwah perlu menghayati inti pati *qasas al-Qur'an* kerana terkandung dalamnya pelbagai pengajaran untuk menguatkan semangat mereka dalam menyampaikan dakwah terutamanya pada zaman penuh dengan cabaran ini. Pendapat ini disokong oleh Hasan Abbas (2010) yang menyatakan setiap kisah dalam al-Quran meskipun berulang mempunyai pengajaran yang berbeza-beza untuk menguatkan hati para pendakwah. Oleh itu, ketika berinteraksi dengan *qasas al-Qur'an*, ulama menggunakan beberapa pendekatan seperti

berpandukan kaedah *tafsir bil mathur* (al-Dhahabi 2000), bersandarkan kepada riwayat *israiliyyat*, mengeluarkan pengajaran (al-Khalidi 2007), meluaskan tafsir supaya mencakupi kisah sahabat dan mengemukakan pandangan ulama mengenai sesuatu kisah (Munir al-Ghadban 1992).

### 3. Pemikiran Dakwah Abdul Hadi Awang bersumberkan *Qasas al-Qur'an*

Abdul Hadi menyampaikan tafsir al-Quran menerusi Kuliah Pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang, Terengganu. Kuliah ini merupakan salah satu platform penyampaian dakwahnya (Nuur Farhana 2016). Menurut beliau, kandungan al-Quran menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia yang perlu digali untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Islam pada hari ini (Abdul Hadi 2002) tanpa mengira lapisan, umur, taraf pemikiran, fahaman dan pegangan mereka (Abdul Hadi 1986). Perkara ini menjadi faktor pendorong beliau mentafsirkan al-Quran. Tafsir al-Quran yang disampaikan berjaya dikhatamkan sebanyak dua kali (Haziyah 2017).

Dalam masa yang sama, beberapa buah kitab tafsir Abdul Hadi telah diterbitkan. Antaranya ialah *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah Luqman* oleh As-Syabab Media (2002), *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah al-Fil dan al-Hasyr* oleh As-Syabab Media (2002), *Tafsir At-Tibyan Surah Yasin* oleh Nufair Street (2009), *At Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran: Surah as-Saff* dan *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran Surah al-Hujurat* oleh Jundi Resources (2011), *Tafsir Surah al-Kahfi* oleh Aisyah Humaira Publications (2014) dan *Tafsir At-Tibyan: Tafsir Surah Al-Baqarah ayat 83-160* oleh Penerbitan Harakah (2014).

Menurut Abdul Hadi (1986), antara *uslub* dakwah yang digunakan oleh beliau dalam menyampaikan dakwah ialah mengkaji dan meneliti kisah-kisah dalam al-Quran. Perkara ini menjelaskan bahawa *qasas al-Qur'an* adalah sumber penyampaian dakwahnya. Pemikiran beliau terhadap *qasas al-Qur'an* dalam dakwah dapat dibahagikan kepada dua iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu semasa. Kedua kategori ini adalah untuk merungkai manfaat *qasas al-Qur'an* dan seterusnya menyampaikan inti patinya kepada sasaran dakwah.

### 4. Mengeluarkan Pengajaran

Menurut Abdul Hadi (2006), tujuan Allah SWT menyatakan kisah dalam al-Quran untuk memperingatkan bahawa perjuangan Islam yang dibawa oleh para nabi dan rasul akan berakhir dengan kemenangan walaupun mendapat pelbagai tentangan. Tambah beliau, orang yang bersama dengan perjuangan Islam akan mendapat keselamatan di dunia dan akhirat serta diberi pahala di atas segala kesabaran menghadapi tentangan, kezaliman dan kesusahan. Hal ini menunjukkan bahawa beliau berpandangan *qasas al-Quran* mempunyai pelbagai pengajaran untuk diteladani. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengajaran yang diketengahkan daripada *qasas al-Quran* berfokus kepada aspek dakwah dan tarbiah iaitu tempoh dakwah yang panjang, bersabar dalam berdakwah, meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dan berwaspada terhadap kedahsyatan hari kiamat. Antara contoh pengajaran yang beliau ketengahkan adalah:

#### i. Tempoh dakwah yang panjang

Abdul Hadi menegaskan bahawa gerak kerja dakwah adalah usaha yang mengambil masa yang lama. Inilah hakikat yang perlu disedari oleh semua pendakwah. Hal ini diterangkan oleh beliau ketika menjelaskan firman Allah SWT:

وَلَقَدْ نَادَيْنَا نُوْحًا فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ

(Al-Quran, as-Saffat 37:75)

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya, Nabi Nuh telah berdoa merayu kepada Kami (memohon pertolongan), maka Kami adalah sebaik-baik yang kabulkan doa permohonan.

Dijelaskan bahawa Nabi Nuh AS telah berdoa agar diberi kata putus terhadap umatnya yang ingkar kepada Allah SWT. Doa ini diucapkan oleh Nabi Nuh AS setelah 950 tahun menjalankan dakwah. Selain itu, ayat ini untuk mengingatkan Nabi Muhammad SAW bahawa ada dikalangan para nabi lebih lama tempoh dakwahnya (Abdul Hadi 2006). Tafsiran ini dikemukakan oleh beliau seperti berikut;

Allah Taala yang memperkenankan doa ini bukan hari ini berdo'a esok selalu (makbul). Dop! Allah Taala suruh Nabi Nuh buat bahtera dulu. Kita baca dalam kisahnya dahulu. Buat bahtera, manusia tak rajin tengok bahtera yang besar macam itu. Nabi Nuh buat. Tengah-tengah buat bahtera, hina pula Nabi Nuh. Buat apa perahu atas darat. Buat apa bahtera, guna apalah benda lagu tu. Macam-macam kisahnya. Nabi Nuh dihina. Bukan doa malam ini esok makbul selalu. Buat bahtera, buat bahtera itu berapa tahun pula. Nabi Musa AS berdo'a, Allah Taala perkenankan doa. Perkenan itu dilakukan setelah 40 tahun, setelah 40 tahun. Ini dia. Kerana Allah Taala nak suruh kita berdo'a banyak-banyak. Bila berdo'a banyak-banyak, boleh pahala banyak-banyak. Kita kalau boleh malam ini baca doa, esok panah litar selalu. Arh panah litar selalu, biar rebah serta merta. Kalau lagu tu, hari-hari orang mati, kalau serah kita lagu tu bakali tinggal kita sorang. Nak marah sikit doa, nak marah sikit sembahyang hajat, marah sikit sembahyang hajat, akhirnya tinggal kita seorang” (Abdul Hadi 2006).

## ii. Bersabar dalam berdakwah

Bersabar dalam berdakwah merupakan keperluan oleh semua pendakwah dalam menyatakan kebenaran Islam (Abdul Hadi 1986). Perkara ini dinyatakan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan ayat ke 18 di dalam surah Yasiin. Ayat ini berkenaan ucapan orang-orang kafir terhadap utusan-utusan Allah SWT dalam kisah Habib An-Najar. Firman Allah SWT:

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ لَئِن لَّمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجُمَنَّكُمْ وَلَيَمَسَّنَّكُم مِّنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya:

Penduduk bandar itu berkata pula: “Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu. Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Menurut Abdul Hadi (2013b), orang-orang kafir itu merasa sial kerana didatangi oleh para utusan Allah SWT. Mereka menuduh utusan-utusan tersebut menyebabkan perpecahan di kalangan mereka akibat terpengaruh dengan dakwah yang disampaikan oleh para utusan tersebut. Beliau menghubungkan ayat ini dengan ucapan musyrikin Mekah terhadap Nabi Muhammad SAW iaitu:

إِنَّكَ قَدْ أَتَيْتَ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، فَفَرَقْتَ بِهِ جَمَاعَتَهُمْ، وَسَفَهتَ بِهِ أَحْلَامَهُمْ وَكَفَرْتَ بِهِ آبَاءَهُمْ

Maksudnya:

Kamu wahai Muhammad, kamu membawa satu ajaran yang besar, yang membawa fitnah yang besar, yang membawa keburukan yang besar. Dengan sebab kamulah maka orang ramai menjadi berpecah belah. Dengan sebab kamulah pendapat-pendapat orang tua dipandang bodoh. Dan kamu telah mengkafirkan bapa-bapa mereka (Abdul Hadi 2013b).

Itulah ungkapan yang diucapkan oleh musyrikin Mekah sedangkan mereka mengenali Nabi SAW adalah seorang yang amanah, menunaikan janji, baik akhlak dan berbudi tinggi. Mereka sendiri mencemuh dan melabelkan Nabi SAW dengan gelaran penjahat dan sebagainya. Keadaan inilah juga yang bakal dihadapi oleh para pejuang Islam sepanjang zaman (Abdul Hadi 2013b). Perkara ini menunjukkan keperluan bersabar dalam berdakwah dengan mengambil iktibar dari *qasas al-Qur'an*.

## iii. Meletakkan pergantungan kepada Allah SWT

Keperluan meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dijelaskan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan firman Allah SWT dalam sebahagian ayat 7, surah al-Hasyar:

وَمَا ءَاتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

Ayat ini adalah berkaitan kisah pengusiran Bani Nadhir. Abdul Hadi menerangkan bahawa setiap pendakwah perlu bergantung harap kepada Allah SWT dengan bertakwa dan takut kepadaNya sebagaimana berikut:

Maka kita hendaklah bertakwa kepada Allah supaya kita selamat dunia dan selamat akhirat. Bertakwa kepada Allah ini bukan sahaja dalam perkara sembahyang, puasa, termasuklah dalam perkara memerintah negara. Dalam perkara mengendalikan harta negara, mengendalikan daripada sumber-sumber daripada bumi, negara hendaklah dikendalikan dengan bertakwa kepada Allah sebagai mana yang Allah sebut dalam ayat yang kita baca tadi. Jangan harta kekayaan itu berpusing dikalangan menteri-menteri, raja-raja dan pemimpin sahaja. Kalau berpusing dikalangan raja-raja dan pemimpin, rakyat susah maka menteri raja yang pusing harta secara haram ini masuk neraka, dan rakyat yang bodo sokong dengan dia pun masuk neraka juga (Abdul Hadi 2011b).

#### iv. Berwaspada terhadap kedahsyatan hari Kiamat

Pengajaran seterusnya ialah berwaspada terhadap kedahsyatan hari kiamat. Hal ini dinyatakan Abdul Hadi ketika mentafsirkan firman Allah SWT:

وَسَيَّرَتِ الْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا

(Al-Quran, an-Naba 78:20)

Maksudnya:

Dan gunung ganang - setelah dihancurkan – diterbangkan ke angkasa, lalu menjadilah ia bayangan semata-mata seperti riak sinaran panas di padang pasir.

Beliau mentafsirkan ayat ini dengan menerangkan situasi hari kiamat agar diambil iktibar oleh sasaran dakwahnya, dalam masa yang sama menegaskan bahawa kisah hari kiamat adalah perkara yang benar dan akan berlaku. Menurutnya:

Bukit habis licing terbang, masa siup sangkakala itu, bukit seperti alang-alang kita tengok di tengah padang yang luas. Ketika hari yang panas macam air padahal bukan air, itulah bukit. Bukit gunung ganang yang hebat-hebat, yang besar-besar hari ini kita tengok. Besar sangat habis tercabut hancur lebur, jadi macam asap, terbang. Bukan macam asap lebih macam asap lagi. Nampak bayang-bayang saja. Dihilangkan oleh Allah SWT. Itulah cerita kiamat cerita yang pasti berlaku. Semua perkara yang Quran sebut adalah perkara yang berlaku (Abdul Hadi 2013a).

Kempat-empat pengajaran yang dikemukakan oleh Abdul Hadi ketika mentafsirkan *qasas al-Quran* adalah berfokus kepada aspek dakwah dan tarbiah. Hal ini sesuai dengan seruannya agar para pendakwah mengkaji dan meneliti kisah-kisah dalam al-Quran serta mengeluarkan pengajaran darinya (Abdul Hadi 1986).

## 5. Menghubungkan *qasas al-Qur'an* dengan isu semasa

Abdul Hadi mengaitkan *qasas al-Quran* dengan isu semasa. Isu-isu yang dikemukakan berkisar dalam dua aspek iaitu sikap golongan yang menentang Islam dan kekejaman terhadap umat Islam. Kedua pembahagian ini sangat dekat dengan kehidupan umat Islam. Dalam masa yang sama, isu-isu yang dikemukakan dapat menarik fokus sasaran dakwahnya untuk memberikan perhatian terhadap penyampaiannya (Walter J. Ong 2002) dan menyedarkan mereka berkenaan situasi dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini (Abdul Hadi 2002).

### i. Sikap golongan yang menentang Islam

Abdul Hadi mengemukakan contoh sikap golongan yang menentang Islam ketika mentafsirkan potongan ayat di bawah:

فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاغَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ

(Al-Quran, As-Saff 61:5)

Maksudnya:

Maka tatkala mereka menyeleweng (dari kebenaran yang mereka sedia mengetahuinya), Allah selewengkan hati mereka (dari mendapat petunjuk).

Ayat ini ditujukan kepada golongan Yahudi yang terpesong dari petunjuk Allah SWT. Dari mereka ini lahirnya ajaran-ajaran sesat yang pelbagai melibatkan cara hidup dan pemikiran semasa di mana semuanya bertentangan dan untuk melemahkan ajaran Islam. Antaranya Komunis, Kapitalis, Atheis, Heppiesm, Fremeson dan Zionis (Abdul Hadi 2011a). Beliau menghuraikan secara terperinci sebagaimana berikut:

Maka takala mereka terpesong daripada petunjuk Allah. Allah Taala memesongkan hati-hati mereka. Maka dikalangan orang-orang Yahudi ini lahirnya ajaran-ajaran sesat. Ajaran sesat ini direka oleh orang yahudi. Bukan sahaja sembah lembu, termasuklah sembahyang batin, puasa batin, haji batin. Tak payah sembahyang dah pakai niat sahaja. Tak payah gi Mekah, pakai niat sahaja. Tak payah puasa, pakai niat sahaja. Ce kita ambil ikat kaki tangan kita dop bui makan, pakai niat sahaja dop soh makan, boleh dop? Tak boleh! Ada zahir dan ada batin. Tuhan jadikan manusia ini ada roh dan ada jasad bukan macam Malaikat. Anggota zahir yang digerakkan, jadi sembahyang zohir, sembahyang batin, haji zahir, haji batin, nikah zahir, nikah batin ini daripada Yahudi sebenarnya. Yahudi yang membawa ajaran ini, orang yahudi yang menyesatkan orang. Itu ajaran yang mengatakan politik suku ajaran suku, Yahudi juga. Ajaran yang mengatakan sembahyang, puasa, zakat haji, umrah saja Islam, bab memerintah negara, hukum jinayat, ini Yahudi juga. Diantaranya ajaran Komunis, Yahudi juga. Kall Mark itu orang komunis. Ajaran kapitalis, itu Yahudi juga. Adam Smith, salah seorang pemimpin kapitalis, ini juga ialah yahudi. Ajaran atheis yang tak payah kahwin, tolak adanya Tuhan. Yahudi juga. Ajaran yang hidup bebas, heppiesm, ini orang yahudi juga. Semua Yahudi belaka. Nak memuaskan hawa nafsu, termasuklah pengedaran dadah, menggalakkan arak dan pelacuran, ini Yahudi. Semua Yahudi belaka. Di sana ada satu pertubuhan yang dinamakan Fremeson. Fremeson berkembang dengan Zionis. Zionis ialah satu pertubuhan yang menganggap yahudi adalah bangsa yang terpilih. Semua bangsa lain adalah binatang, rupa manusia. Yahudi yang paling mulia. Mereka mesti berjuang untuk menegakkan negara yahudi yang pernah ditegakkan oleh Nabi Sulaiman AS, maka dibuatnya Fremeson, Fremeson ini ada cabang dia, Lion Club, Lotary Club” (Abdul Hadi 2011a).

Pendekatan yang sama digunakannya ketika menerangkan sikap golongan yang menghalang orang-orang Islam menyampaikan kebenaran. Perkara ini dinyatakannya ketika mentafsirkan ayat ke dua dari surah al-Munafiqun. Firman Allah SWT:

اَتَّخِذُوا اٰمَنَتَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللّٰهِ ؕ اِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ

Maksudnya:

Mereka menjadikan sumpahnya (atau akuannya) sebagai perisai (untuk menyelamatkan dirinya dan harta bendanya daripada dibunuh atau dirampas), lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari menurut jalan Allah. Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka kerjakan.

Sikap golongan yang menghalang orang-orang Islam dari jalan Allah SWT dikaitkan oleh Abdul Hadi dengan perbuatan sesetengah pihak yang tidak memberi tauliah kepada pendakwah untuk mengajar agama. Contoh ini dijelaskan secara terperinci sebagaimana berikut:

Termasuklah hari ini menghalang orang nak mengajar agama. Menghalang orang nak bersyarah agama. Disinilah Sayyidina Ali *karramallahu waj'ah* menunjukkan cara memberi tauliah kepada orang mengajar agama. Sayyidina Ali masa dia jadi khalifah. Patutnya kerajaan jabat agama kena ikut contoh Sayyidina Ali ini, Sayyidina Ali tengok seorang pemuda mengajar di masjid Kufah, orang ramai kerumun sebab dia sedap mengajar. Sudoh dia mengajar, ambil sudah dia mengajar dulu. Sayyidina Ali pun panggil dia, apa dia Islam? Apa dia iman? Apa dia? Apa dia? Dia jawab betul. Sayyidina Ali kata *gila* (tak jelas) ngajar, Sayyidina Ali kata, mengajar. Ini dia cara dia mengajar. Bila dia mengajar betul, izin, tak dop bercanggah dengan Islam, ni pergi-pergi ada dop surat kebenaran, dop kira orang ngajar betul ke salah. Orang mengajar betul pun bertindak juga, arh ini munafik ini. Ini munafik, *صَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللّٰهِ* menghalang manusia daripada jalan Allah. Menghalang orang mengajar, mengalang orang bersyarah,

menghalang orang apa sahaja. Bahkan di negara yang mengamalkan demokrasi, ini adalah negara orang kafir, bukan negara orang Islam, yang mengamalkan demokrasi. Bila ada rakyat bantah, ada orang ucapan, kalau benda tu betul, dia betul. Dia perbetulkan. Kalau benda tu salah, haa ini mu kata ni salah. Yang betulnya begini-begini, dia tak halang. Mu kena betul hok mu salah ini. Bukan menghalang orang, tidak. Ini halang daripada awal. Haa itu tak kena, ini sifat orang munafik, sifat orang munafiklah menghalang orang daripada mengajar agama, bersyarah agama, menceritakan yang benar, cerita yang betul yang diajar oleh Islam, *يَلْغُوا عني ولو آية* Beritahu daripada aku walaupun satu ayat. Kalau mu tahu se ayat, royak pada orang, satu ayat, tahu dua ayat royak dua ayat. Tahu fardhu ain, mengajar fardhu ain, mengalakkan orang mengajar, mengalakkan orang berdakwah, menggalakkan orang memberi nasihat, inilah negara yang mengamalkan Islam, yang sekat orang mengajar ini masa orang putih. Masa penjajah dulu. Supaya orang jangan lawan dia. Kalau orang tahu agama lawan dia. Kita dah merdeka dah ikut penjajah juga. Ini jadi punuh ini (Abdul Hadi 2014a).

## ii. Kekejaman terhadap umat Islam

Abdul Hadi mengemukakan contoh kekejaman terhadap Islam ketika menafsirkan ayat ke 7 dan ke 8 dari surah al-Buruj. Firman Allah SWT:

وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُورٌ. وَمَا نَعْمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Maksudnya:

Sambil mereka melihat apa yang mereka lakukan kepada orang-orang yang beriman (7) Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang beriman itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji (8).

Ayat ini berkenaan kekejaman Ashab al-Ukhudud yang menyiksa orang-orang yang beriman. Mereka mencampakkan golongan beriman ke dalam parit yang dinyalakan dengan api. Abdul Hadi mengkaitkan perkara ini dengan kekejaman yang dihadapi oleh umat Islam di Bosnia, Sepanyol, Mesir, Syria, Palestine, Afganistan dan Algeria (Abdul Hadi 2014b). Beliau menyatakan secara ringkas setiap satu kekejaman yang berlaku di negara-negara tersebut iaitu:

Kisah dalam Quran ni berulang, kita baca kisah sebagaimana saudara kita di Kemboja dibunuh oleh Komunis. Orang Islam di Kemboja, dibunuh oleh Komunis, dibakar direbus dalam air. Di Bosnia, di Bosnia ni berlaku di akhir zaman. Ini kisah yang sama, di Bosnia. Dan berlaku di negeri Komunis semasa penaklukan Komunis dahulu. Yang sempat berhijrah berhijrah, yang tak sempat dibunuh. Di Sepanyol, ketika jatuhnya Islam di Sepanyol, dibunuhnya orang Islam dan dirata-rata dunia, orang Islam disiksa. Termasuk di negeri orang Islam sendiri, di Mesir, di Mesir, di Syria, tempat orang mahu kepada Islam, orang mahu kepada Islam, dibunuhnya disiksanya. Ada negeri yang berperang di Palestine, berperang di Syria, di Afganistan berperang. Kerana musuh masuk menyerang negeri. Nak laksanakan syariat dia boleh terima kalau rakyat menerima pemerintah yang tak laksanakan hukum Islam. Kalau pemerintah tak laksanakan hukum Islam, takpe, sanggup beri bantuan. Bank Dunia boleh beri nak berapa billion. Bila sebut nak laksanakan Islam tak boleh. Di Algeria, bila Parti Islam Algeria menang, menang 70 peratus, tentera rampas kuasa. Pemimpin Islam ditangkap dibunuh. Ini diseluruh dunia, dan media-media menyebarkan berita-berita yang banyak mengarut berita itu. Berita mengarut kita keliru, kerana syarikat berita dikuasai oleh Yahudi, dikuasai oleh puak-puak musuh Islam (Abdul Hadi 2014b).

Pendekatan ini turut digunakan beliau ketika menafsirkan ayat ke 8 di dalam surah as-Saff. Firman Allah SWT:

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْئِهِمْ وَاللَّهُ مِتُّمُ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Maksudnya:

Mereka sentiasa berusaha untuk memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian).

Usaha untuk memadamkan cahaya Allah SWT bukan sahaja berlaku pada zaman dahulu sebagaimana diceritakan dalam kisah-kisah terdahulu, bahkan turut berlaku pada masa kini (Abdul Hadi 1986). Beliau

mengemukakan contoh yang berlaku di Asia Barat berkenaan hal ini seperti berikut:

Di Asia Tengah, negeri Tarkumanistan, Tajikistan, Kazasthan, Uzbekistan, negeri-negeri Asia Tengah, Checia dan lain-lain. Ditakluk oleh Komunis di awal abad yang lalu. Setelah Komunis menakluk negeri Asia Tengah, orang Islam disembelih, dibunuh dengan cara yang menakutkan. Ada yang dibawa atas kapal terbang, dibuang dari kapal terbang. Mana Tuhan mu? Campak begitu je. Arh, dibunuh dengan jentera untuk kemah jalan tu, kereta giling, untuk menakutkan orang Islam. Ada yang berhijrah, yang tak sempat berhijrah, tinggal menyembunyikan Islam. Ada yang dipenjarakan, ada yang dipenjarakan. Tahun 80an komunis jatuh. Setelah komunis jatuh, kita masuk ke sana, masih ada orang muda yang bercakap bahasa arab dengan fasih. Tanya dia belajar bahasa arab di mana, dengan ayah dia. Belajar di rumah. Belajar di rumah. Masjid hidup balik, masjid hidup semula (Abdul Hadi 2011a).

Kedua pembahagian yang dikenalpasti iaitu mengeluarkan pengajaran dan menghubungkan dengan isu-isu semasa berkait rapat dengan penglibatan Abdul Hadi dalam dakwah dan politik. Perkara ini juga sinomin dengan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh gerakan Islam (Abdul Hadi 1982).

## 6. Kesimpulan

Tujuan Allah SWT membentangkan *qasas* dalam al-Quran adalah untuk mengemukakan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani oleh umat Islam. Oleh itu, pendakwah perlu menjadikan *qasas* khususnya kisah-kisah para nabi dan umat mereka sebagai salah satu sumber dalam merangka pendekatan dan strategi dakwah. Sebagai seorang ulama haraki, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengentengahkan *qasas al-Qur'an* sebagai salah satu sumber dakwahnya. Beliau mengerahkan buah fikiran untuk mengekstrak inti pati *qasas al-Quran* untuk disampaikan kepada sasaran dakwahnya dengan mengeluarkan pengajaran dan menghubungkannya dengan isu-isu semasa. Pengajaran yang dikeluarkan oleh beliau berkisar tentang dakwah dan tarbiah iaitu tempoh dakwah yang panjang, bersabar dalam berdakwah, meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dan berwaspada dengan kedahsyatan hari kiamat. Isu-isu semasa yang dikemukakan pula adalah berkenaan sikap golongan yang menentang Islam dan kekejaman mereka terhadap Islam. Natijahnya, Abdul Hadi merupakan seorang tokoh gerakan Islam yang menyebatkan penggunaan *qasas al-Qur'an* sebagai sumber dakwah sesuai dengan kedudukannya sebagai salah seorang ulama yang terlibat dengan gerakan Islam. Hal ini dilakukan oleh beliau agar *qasas al-Qur'an* dapat dihayati dan difahami dengan baik oleh masyarakat Islam pada hari ini dan generasi akan datang.

## Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian hasil penyelidikan di bawah geran UKM PP-2020-005 “Pembukuan Tafsir Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang” yang dibiayai oleh Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS).

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. 1982. Kepentingan Berjama’ah. Dlm. Ya’qub Muhammad Hussin (Penyunting). *Islam: Fikrah, Harakah & Daulah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 1986. *Uslub Da’wah*. Dlm. Ya’qub Muhammad Hussin (Penyunting). *Islam: Fikrah, Harakah & Daulah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Hadi Awang. 2002. *At-Tibyan dalam mentafsirkan al-Quran: Surah Luqman*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Abdul Hadi Awang. 2006. Tafsir Surah As-Saffat. Dlm. Kulia Online. 2016. <https://t.me/kuliaonline> [akses pada 30 Jun 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2011a. Tafsir Surah as-Saff. Audio rakaman Kulia Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2011b. Tafsir Surah al-Hasyr. Audio rakaman Kulia Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2013a. Tafsir Surah an-Naba’. Audio rakaman Kulia Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2013b. *Tafsir Surah Yasiin*. Kuala Lumpur: Galeri Buku Harakah.
- Abdul Hadi Awang. 2014a. Tafsir Surah Al-Munafiqun. Audio rakaman Kulia Jumaat Abdul Hadi Awang.
- Abdul Hadi Awang. 2014b. Tafsir Surah Al-Buruj. Dlm. Terengganu kini. 2020. Himpunan Kulia Jumaat



- Mingguan Masjid Rusila. <http://bit.ly/terengganukini> [akses pada 30 Jun 2020].
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Tafsir Surah al-Kahfi (Quran surah ke 18)*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Saidatina Aisyah Publication.
- Aqidatur Rofiqoh & Ibnu Hajar Ansori. 2017. Kisah-kisah (qasas) dalam al-Quran Perspektif I'jaz. *QOF*. Jil. 1 (1).
- Hasan Abbās. 2007. *Muḥadḍarāt fī 'Ulūm al-Quran*. Jordan: Darul Nafā'is.
- Hasan Abbās. 2010. *Qasas al-Quran al-Karīm*. Jordan: Darul al-Nafāis.
- Haziyah Hussin. 2017. Sumbangan Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam peradaban tafsir di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Islam dan Tokoh, 21 November 2017 di Bilik Senat UKM.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. 2007. *Ma'a al Qasas as-Sabiqun fi al-Quran*. Damsyik: Darul Qalam.
- Manna° al-Qattān. 2000. *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Akmal Mukhtar & Haziyah Hussin. 2015. Elemen haraki di dalam Tafsir Surah al-Kahf oleh Abdul Hadi Awang. Dalam Zul Izzi Ismail, Siti Fatimah & Siti Hafizah (suntingan). *Prosiding Kolakium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015) Malaysia – Brunei*: 38-48.
- Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohamad Rouyan. 2014. Qisah Qur'aniyyah dalam Surah al-Khafi Menyerlahkan Pengajaran ('Ibrah) dan Fadilat Surah. *'Ulum Islamiyyah Journal*. 14: 131-156.
- Nuur Farhana. 2016. Sumbangan Tuan Guru Abdul Hadi kepada Penubuhan dan Perkembangan Maahad Darul Quran. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Walter J. Ong, 2002. *Orality and literacy*. New York: Routledge, Tylor & Francis Group.